

05 FEB 1999

Anwar-Writ

WRIT SAMAN DISERAHKAN KEPADA PERDANA MENTERI MENERUSI PEGUAMNYA

KUALA LUMPUR, 5 Feb (Bernama) -- Pejabat peguam yang mewakili bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam saman malunya sebanyak RM100 juta terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini menyerahkan writ saman itu kepada perdana menteri menerusi peguamnya.

Gobind Singh Deo, yang mewakili Tetuan Karpal Singh & Co, mengemukakan salinan writ itu kepada Tetuan Shearn Delamore & Co di Wisma Hamzah-Kwong Hing di Lebu Ampang, di sini pada pukul 11.45 pagi.

Deo memberitahu pemberita bahawa mereka dimaklumkan "melalui surat" bahawa Shearn Delamore dilantik mewakili Dr Mahathir dalam saman itu, yang difailkan di pejabat pendaftar Mahkamah Tinggi di sini 25 Jan lepas.

Satu lagi writ saman diserahkan kepada Sun Media Corporation Sdn Bhd pada pukul 2.55 petang menerusi pejabat peguam, V. Siva & Partners di bangunan Loke Yew di sini.

Anwar mendakwa Dr Mahathir telah mengeluarkan perkataan yang berunsur fitnah kepada wartawan tempatan dan asing termasuk seorang wartawan dari majalah berita antarabangsa Newsweek, Dorinda Elliot, di pejabatnya pada 22 Sept tahun lepas.

Berikutan itu kenyataan tersebut diterbitkan semula oleh majalah itu dalam keluarannya bertarikh 5 Okt di bawah tajuk "Here's Mud in Your Face".

Beliau juga mendakwa bahawa Dr Mahathir telah mengeluarkan perkataan berunsur fitnah dengan mengetahui bahawa perkataan itu akan disiarkan secara meluas di Malaysia dan di seluruh dunia.

Anwar juga telah mengemukakan saman malu terhadap Sun Media Corporation Sdn Bhd yang menuntut ganti rugi sebanyak RM100 juta berhubung satu artikel yang disiarkan oleh akhbar The Sun pada keluaran 23 Sept 1998.

Dalam kedua-dua saman itu, Anwar juga memohon perintah injunksi bagi menghalang Dr Mahathir dan Sun Media atau melalui pekerja dan/atau ejennya, daripada seterusnya membuat sebarang kenyataan berunsur fitnah terhadapnya.

Beliau juga menuntut kos dan apa-apa relief yang difikirkan sesuai oleh mahkamah.

Anwar, 51, dipecat dari jawatan sebagai timbalan perdana menteri dan menteri kewangan pada 2 Sept tahun lepas dan kemudian didakwa di mahkamah dengan lima pertuduhan rasuah dengan menggunakan kedudukannya untuk campur tangan dalam siasatan polis mengenai dakwaan salah laku seks terhadapnya.

Mahkamah Tinggi di sini pada 30 Jan lalu memerintahkan Anwar supaya membela diri terhadap empat pertuduhan rasuah. Perbicaraan itu dijadual bermula Isnin ini.

-- BERNAMA

JA AKD